



MANUAL
RUJUKAN
PENGEKODAN
DIAGNOSIS
INTERNATIONAL
CLASSIFICATION
OF DISEASES
11TH REVISION
(ICD-11)

EDISI PERTAMA - 2023



MANUAL RUJUKAN
PENGEKODAN DIAGNOSIS
*INTERNATIONAL CLASSIFICATION OF
DISEASES 11TH REVISION (ICD-11)*

Hak cipta terpelihara, sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam apa cara yang boleh dipergunakan lagi ataupun dipindahkan dalam sebarang cara, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakam dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu daripada KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA atau UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA.

Dokumen ini bertujuan untuk penggunaan di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia. Penggunaan di lain-lain fasiliti adalah dengan kebenaran bertulis daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Penggunaan dokumen ini adalah atas risiko sendiri. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia adalah tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang disebabkan oleh penggunaan dokumen ini.

Manual Rujukan Pengekodan Diagnosis International Classification of Diseases 11th Revision (ICD-11)

e ISBN: 978-629-98978-0-4

e ISBN 978-629-98978-0-4



Pusat Informatik Kesihatan

(online)

Edisi pertama – 2023

Hak Cipta © 2023 Pusat Informatik Kesihatan

Diterbitkan oleh:

Pusat Informatik Kesihatan

Aras 6, Blok E7, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590, Putrajaya, Malaysia

Isi Kandungan

Perutusan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia	5
Perutusan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)	6
Perutusan Pengarah Bahagian Perancangan	7
Perutusan Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)	8
Perutusan Pengarah Hospital Canselor Tuanku Muhriz	9
Perutusan Ketua Pusat Antarabangsa Casemix & Pengekoden Klinikal	10
Penyumbang	11
Pengenalan	14
Pemilihan Kondisi Utama (Morbidity)	14
Diagnosis untuk Kes Kematian (Mortality)	14
Perbandingan Terma antara ICD-10 dan ICD-11 dalam Borang Pengumpulan Maklumat Kesihatan Pesakit	16
Nota Penting Berkenaan Pengekoden ICD-11	16
Pernyataan Langkah Pencarian Kod ICD-11	64
Pencarian Melalui Pernyataan Diagnosis	64
Pencarian Melalui Terma Diagnosis	74
Pengekoden Kondisi Umum	87
<i>Chapter 01 Certain Infectious or Parasitic Diseases</i>	87
<i>Chapter 02 Neoplasms</i>	88
<i>Chapter 03 Diseases of the Blood or Blood-Forming Organs</i>	91
<i>Chapter 04 Diseases of the Immune System</i>	92
<i>Chapter 05 Endocrine, Nutritional or Metabolic Diseases</i>	92
<i>Chapter 06 Mental, behavioural or neurodevelopmental disorders</i>	95
<i>Chapter 07 Sleep-Wake Disorders</i>	95
<i>Chapter 08 Diseases of the Nervous System</i>	95
<i>Chapter 09 Diseases of the Visual System</i>	97
<i>Chapter 10 Diseases of the Ear or Mastoid Process</i>	98
Chapter 11 Diseases of the circulatory system	98
<i>Chapter 12 Diseases of the Respiratory System</i>	99
Chapter 13 Diseases of the digestive system	101
<i>Chapter 14 Diseases of the Skin</i>	102
<i>Chapter 15 Diseases of the Musculoskeletal System or Connective Tissue</i>	102
<i>Chapter 16 Diseases of the Genitourinary System</i>	102
<i>Chapter 18 Pregnancy, Childbirth or the Puerperium</i>	103
<i>Chapter 19 Certain Conditions Originating in the Perinatal Period</i>	108

<i>Chapter 20 Developmental Anomalies</i>	112
<i>Chapter 21 Symptoms, Signs or Clinical Findings, Not Elsewhere Classified</i>	112
<i>Chapter 22 & 23 Injury, Poisoning or Certain Other Consequences of External Causes dan External Causes of Morbidity or Mortality</i>	113
<i>Chapter 24 Factors Influencing Health Status or Contact with Health Services</i>	116
<i>Chapter 25 Codes for Special Purposes</i>	130
Maklum Balas Manual Rujukan	131
Lampiran Maklumat Tambahan.....	132
Keperluan Teknikal Penggunaan ICD-11 (Rujukan: ICD-11 Reference Guide 2.12)	132
Konsep ICD <i>Foundation</i> dan <i>Linearization</i>	134
<i>Uniform Resource Identifier (URI)</i>	134
Perbezaan antara <i>Foundation URI</i> dan Kod ICD-11	137

Perutusan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia



Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi, dengan limpah kurnia-Nya, Manual Rujukan Pengekoden Diagnosis *International Classification of Diseases 11th Revision* (ICD-11) ini dapat diterbitkan selaras dengan usaha transisi kepada ICD-11 oleh Pesidangan Kesihatan Sedunia Ke-72 pada 2019.

Manual rujukan ini merangkumkan maklumat penting serta tatacara pengekoden diagnosis dalam ICD-11 selaras dengan usaha KKM untuk bergerak ke arah penggunaan ICD-11 mulai tahun 2024.

KKM sentiasa memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi kepada rakyat Malaysia. Dengan itu, data dan maklumat yang tepat merupakan antara aset yang penting dalam perancangan kesihatan agar keputusan yang diambil adalah berteraskan maklumat dan informasi yang tepat. Dari pengalaman mengendalikan pandemik COVID-19, KKM sedar betapa pentingnya perkara ini. ICD-11 mampu menjadi alat dalam membantu KKM mendapatkan data yang tepat bagi menggambarkan situasi semasa kesihatan negara.

Dengan itu, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan syabas kepada Bahagian Perancangan dan Pusat Antarabangsa Casemix & Pengekoden Klinikal amnya atas komitmen dan usaha yang diberikan dalam penghasilan manual rujukan ini. Diharap inisiatif ini dapat meningkatkan prestasi dan kecekapan warga kesihatan yang terlibat dalam pengekoden ICD secara amnya.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Perutusan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)



Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia-Nya Pusat Informatik Kesihatan, Bahagian Perancangan dan Pusat Antarabangsa Casemix & Pengkodan Klinikal (ITCC) telah berjaya menerbitkan Manual Rujukan Pengkodan Diagnosis *International*

Classification of Diseases 11th Revision (ICD-11). Manual rujukan ini disediakan berdasarkan dokumen terbitan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu *ICD-11 Reference Guide* serta input daripada wakil-wakil Jabatan Rekod Perubatan di fasiliti-fasiliti KKM.

Walau bagaimanapun, pengguna adalah disarankan untuk mencari kod yang sesuai menggunakan aplikasi *ICD-11 Embedded Classification Tool* (ECT) sekiranya perlu. ICD-11 ECT mempunyai keupayaan untuk membuat pencarian dalam bentuk *free-text* dan pada masa yang sama mampu menyarankan kod ICD-11 yang sesuai untuk tujuan pelaporan statistik.

Sebagai penutup, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan sekalung penghargaan kepada Pusat Informatik Kesihatan dan pihak ITCC. Adalah harapan supaya manual rujukan ini dapat menjadi sumber rujukan dan memberi faedah kepada semua pihak yang berkepentingan. Insya-Allah.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOR FARIZA BINTI NGAH
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Perutusan Pengarah Bahagian Perancangan



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin-Nya, Buku Manual Rujukan Pengekoden Diagnosis ICD-11 telah berjaya diterbitkan. Buku ini merupakan salah satu usaha Pusat Informatik Kesihatan (PIK), Bahagian Perancangan dan Pusat Antarabangsa Casemix & Pengekoden Klinikal untuk mengukuhkan kualiti pengekoden diagnosis ICD-11 di fasiliti KKM.

Manual Rujukan Pengekoden Diagnosis ICD-11 ini menerangkan secara terperinci berkaitan pengekoden ICD-11. Hal ini dapat memastikan mereka yang terlibat dalam proses pengekoden ICD-11 memahami dengan lebih jelas teknik serta langkah pengekoden ICD-11 yang telah ditetapkan. Di samping itu, keperluan serta cara implementasi *ICD-11 Embedded Classification Tool* turut dikupas dalam dokumen ini.

Oleh itu, adalah diharapkan bahawa Manual Rujukan Pengekoden Diagnosis ICD-11 ini akan dapat dijadikan panduan serta rujukan di semua fasiliti KKM dalam mengukuhkan kualiti pengekoden diagnosis dalam ICD-11.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan Manual Rujukan Pengekoden Diagnosis ICD-11 ini. Semoga usaha dan masa yang digunakan bagi membangunkan manual rujukan ini diberkati Allah s.w.t. InsyaAllah.

Sekian terima kasih.

DR. ROZITA HALINA BINTI TUN HUSSEIN
Pengarah Bahagian Perancangan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Perutusan Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Segala kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama Pusat Antarabangsa Casemix & Pengekodan Klinikal, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Universiti Kebangsaan Malaysia telah berjaya menerbitkan Manual Rujukan Pengekodan ICD-11. UKM sentiasa berusaha untuk memastikan aspirasi *Whole-of-*

Government dicapai melalui jalinan kerjasama antara agensi kerajaan seperti KKM dengan UKM.

Penerbitan Manual ini adalah hasil kepada jalinan kerjasama ini. Manual ini penting untuk memastikan data penyakit yang umum di Malaysia yang dikumpul adalah berkualiti semasa fasa transisi kepada ICD-11 sedang berjalan. Usaha penerbitan Manual ini adalah juga sejajar dengan *best practices* di luar negara untuk memastikan kualiti data terpelihara semasa dan selepas transisi kepada ICD-11. Data penyakit yang tepat khususnya semasa fasa ini memberikan kelancaran dari segi pengurusan dan penerbitan data statistik di peringkat kebangsaan dan peringkat antarabangsa.

Adalah menjadi harapan saya supaya Manual ini merupakan titik permulaan untuk mengukuhkan hubungan kerjasama antara UKM dan KKM. Syabas diucapkan kepada Pusat Antarabangsa Casemix & Pengekodan Klinikal dan KKM atas kerjasama dan komitmen yang diberikan. Semoga usaha murni ini dapat membantu UKM dan KKM dalam pengumpulan data penyakit yang tepat dan komprehensif. Insyallah.

Sekian terima kasih.

PROF. DATO' DR. HANAFIAH BIN HARUNARASHID
Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
Universiti Kebangsaan Malaysia

Perutusan Pengarah Hospital Canselor Tuanku Muhriz



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, segala pujian dan syukur kepada Illahi kerana kejayaan penerbitan Manual Rujukan Pengkodan Diagnosis ICD-11 oleh Pusat Antarabangsa Casemix & Pengkodan Klinikal (ITCC) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Manual ini adalah hasil kerjasama anggota ITCC dan KKM yang tanpa mengenal penat lelah untuk bersama-sama menyediakan rujukan yang akan

digunakan oleh *clinical coders* di fasiliti kesihatan di seluruh pelusok negara.

Manual ini bertujuan untuk melengkapi dokumen *ICD-11 Reference Guide* terbitan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dengan fokus diagnosis penyakit di Malaysia. Umum diketahui bahawa terdapat keperluan untuk menyesuaikan peraturan pengkodan oleh WHO dengan cara pengkodan di sesebuah negara. Penyediaan dokumen ini dalam Bahasa Melayu adalah juga selaras dengan aspirasi UKM untuk memartabatkan penggunaan bahasa kebangsaan khususnya dalam bidang Sains dan Teknologi.

Sebagai kesimpulan, tahniah diucapkan kepada ITCC dan KKM. Semoga usaha murni ini dapat membantu meningkatkan prestasi dan kemahiran pengkodan ICD-11 dalam kalangan warga kesihatan yang terlibat dalam pengkodan ICD-11.

Sekian terima kasih.

PROF. DATO' DR. RAZMAN BIN JARMIN
Pengarah Hospital Canselor Tuanku Muhriz
Universiti Kebangsaan Malaysia

Perutusan Ketua Pusat Antarabangsa Casemix & Pengekodan Klinikal



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pertamanya, saya ingin mengatitkan pujian dan syukur kerana dengan izin-Nya, Manual Rujukan Pengekodan Diagnosis ICD-11 ini berjaya diterbitkan hasil kerjasama ITCC dengan KKM. Dokumen ini adalah usaha penting untuk memberikan keyakinan kepada *clinical coders* di fasiliti sebagai rujukan utama dalam pengkodan ICD-11.

Umum diketahui bahawa, pengkodan ICD-11 adalah berbeza dengan ICD-10 dengan konsep baharu seperti *Postcoordination* dan penggunaan *Foundation URI* iaitu fungsi tambahan ICD-11 sebagai *terminology services*. Hasil libat urus antara ITCC dan KKM turut memberikan gambaran bahawa transisi kepada ICD-11 ini berpotensi untuk memberikan keresahan dan pengguna akan mengalami lekuk pembelajaran yang curam jika tidak ditangani dengan betul.

Manual ini merangkumkan langkah pengkodan melalui pencarian terma yang penuh dan juga melalui pencarian kata kunci yang tepat. Kedua-dua langkah pencarian ini adalah saling melengkapi yang mampu membantu *clinical coders* di fasiliti dalam pemilihan terma dan kod ICD-11 yang tepat. Kod ICD-11 yang tepat mampu memberikan gambaran yang lengkap di fasiliti seterusnya data yang dikumpul mampu menambahbaik penyampaian perkhidmatan kesihatan di UKM mahupun di KKM.

Semoga jalinan kerjasama antara UKM dan KKM ini berterusan dalam usaha penambahbaikan Manual Rujukan ini pada masa hadapan serta dalam inisiatif berkaitan pada masa hadapan.

Sekian terima kasih.

PROF. MADYA DR. AZIMATUN NOOR AIZUDDIN
Ketua Pusat Antarabangsa Casemix & Pengekodan Klinikal
Universiti Kebangsaan Malaysia

Penyumbang

PUSAT INFORMATIK KESIHATAN (PIK)

Dr. Nuraidah Mohd Marzuki
Timbalan Pengarah

En. Azman Ahmad
Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)

Dr. Shahidah Adilah Shith
Ketua Penolong Pengarah Kanan

Pn. Nurulhuda Ramlan
Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)

Dr. Erwyn Ooi Chin Wei
Ketua Penolong Pengarah

Pn. Nor Hanani Azmi
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)

PUSAT ANTARABANGSA CASEMIX & PENGEKODAN KLINIKAL (ITCC)

Prof. Madya Dr Azimatun Noor Aizuddin
Ketua Jabatan

Dr. Norfarhana Samsudin
Timbalan Ketua Jabatan

ICD-11 EXPERT CODER

Dr. Asma' Md Arif
Pegawai Perubatan
Hospital Sultan Ismail

En. Mohd Zohari Mat Nasir
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)
Hospital Ampang

Dr. Mohd Razmi Mohd Shah
Pegawai Perubatan
Hospital Sultanah Aminah

Pn. Nor Shamsila Mustapha
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)
Hospital Pasir Mas

Pn. Teh Li Yin
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Perubatan Tradisional &
Komplementari

Pn. Cik Noor Baayah Abdul Jalil
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)
Hospital Queen Elizabeth II

Dr. Ahmad Soufi Ahmad Fuad
Ketua Penolong Pengarah
Pusat Informatik Kesihatan

Pn. Catherina William Totu
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)
Hospital Queen Elizabeth

Pn. Azmaliza Mohd Noor
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)
Pusat Informatik Kesihatan

Pn. Nurul Huda Mohamed Sedek
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)
Pusat Informatik Kesihatan

BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN

Dr. Mohd Ridzwan Shahari
Ketua Penolong Pengarah Kanan

Pn. Zahidah Ahmad Fadzil
Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)

Dr. Fawzi Zaidan Ali
Ketua Penolong Pengarah Kanan

Pn. Inai Dulliyah Abdullah
Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)

Dr. Noor Shahieddah Fazil
Ketua Penolong Pengarah Kanan

Pn. Noor Aznim Ainy Ahmad
Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)

JAWATANKUASA IMPLEMENTASI ICD-11 & ICHI

Dr. Siti Nurbaya Shahrir
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Pn. Wan Nur Munirah Wan Abd Manan
Pegawai Tadbir
Sultan Ahmad Shah Medical Centre @ IIUM

Pn. Teoh Iyinh Theng
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
Farmasi

Pn. Azlin Zainuddin
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)
Hospital Queen Elizabeth

Pn. Roziah Mohd Ali
Ketua Penolong Setiausaha Kanan
Bahagian Pengurusan Maklumat

Pn. Zawiyah Ghani
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)
Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala
Terengganu

Y.M Raja Liana Raja Yacob
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Maklumat

Pn. Radiah Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah

En. Abrar Noor Akramin Kamarudin
Penolong Setiausaha Kanan
Bahagian Pengurusan Maklumat

En. Syukri Hussien Othman
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)
Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar

En. Mohamad Shukor Mat Lazim
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Pn. Nurhana Aini binti Md Nasir
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)
Hospital Putrajaya

Pn Nur Azmina binti Ahmad Zuhkhori
Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

En. Mohd Fadhil Mohd Noor
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)
Hospital Segamat

En. Mior Zakuan Ahmad
Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)
Hospital Teluk Intan

Pn. Norazura Rosli
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)
Hospital Kuala Lumpur

Pn. Wan Nur Fajrina Wan Azmi
Pegawai Tadbir
Hospital Universiti Sains Malaysia

Pn. Nor Azizah binti Ahmad
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban

HOSPITAL SIBU

Pn. Diana Sofia Sta
Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)

HOSPITAL SULTANAH HAJJAH KALSOM

En. Mohd Aisamuddin Mohd Ariffin
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)

HOSPITAL RAJA PEREMPUAN ZAINAB II

En. Abdul Rahman Salleh
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)

HOSPITAL TUANKU FAUZIAH

Pn. Rohaya Roais
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)

HOSPITAL SEBERANG JAYA

Pn. Noor Hazzura Husni
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)

HOSPITAL SULTANAH BAHYAH

Dr. Siti Aishah Abdou Wahab
Ketua Penolong Pengarah Kanan

Pn. Suhainy Sudin

Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)

JABATAN KESIHATAN NEGERI MELAKA

Pn. Norsuhada Sulaiman
Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)

HOSPITAL KUALA LUMPUR

Pn. Siti Hawa Ajes
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)

HOSPITAL SERDANG

Pn. Latifah Zakaria
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)

HOSPITAL PUTRAJAYA

Pn. Maryatie Mohamadiah
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)

HOSPITAL UMUM SARAWAK

Pn. Horoni Yusof
Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)

Pn. Jillbert Ak Pentiu

Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)

JABATAN KESIHATAN NEGERI PERAK

Pn. Oni Saifura Osman
Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)

Pn. Siti Fatimah Kamaruddin

Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)

Pengenalan

International Statistical Classification of Diseases and Related Health Problems (ICD) merupakan sistem klasifikasi yang telah diperkenalkan untuk tujuan rekod, analisa, interpretasi dan perbandingan data morbiditi dan mortaliti di peringkat antarabangsa. ICD versi ke-sebelas (ICD-11) telah dimuktamadkan oleh pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) semasa mesyuarat *World Health Assembly* yang ke-72 pada tahun 2019. Malaysia sebagai salah sebuah negara ahli adalah tertakluk kepada penggunaan versi klasifikasi penyakit yang terkini selaras dengan ketetapan dalam Artikel 2 dan 7 dokumen *WHO Nomenclature Regulations 1967*.

ICD-11 adalah penting untuk membolehkan saling operasi (*interoperability*) antara sistem agar data yang direkod dapat digunakan semula untuk pelbagai tujuan seperti pelaporan statistik kesihatan, sokongan keputusan diagnosis (*diagnosis decision support*), perancangan sumber dan penyediaan garis panduan. Manual ini merangkumi kondisi penyakit, bukan-penyakit dan sebab-sebab luaran yang telah menyebabkan pesakit atau pelanggan mendapatkan perkhidmatan di fasiliti kesihatan.

Pengekodan ICD-11 secara umumnya masih mengekalkan peraturan atau *rules* dalam ICD-10 khususnya untuk kes mortaliti supaya pengekodan dilakukan dengan tepat. Walaupun dengan penggunaan aplikasi seperti *ICD-11 Classification Tool* dalam proses pengekodan, peraturan yang berkaitan masih perlu difahami. Manual rujukan pengekodan ICD-11 ini bertujuan untuk memudahkan proses pengekodan untuk kondisi yang umum di fasiliti KKM.

Senarai kondisi dalam dokumen ini tidak meliputi keseluruhan kondisi, dan hanya merangkumkan kondisi umum di fasiliti KKM. Senarai kondisi dalam dokumen ini diatur berdasarkan bab dalam ICD-11 Versi 02-2022 dan tidak menggambarkan teknik dokumentasi diagnosis dan proses kemasukan data. Disarankan supaya pencarian dilakukan dengan teliti meliputi semua bab supaya kod yang sesuai dapat dikenalpasti.

Dokumen ini adalah sebagai panduan untuk pencarian kod yang sesuai. Dalam keadaan apabila maklumat yang lebih terperinci telah didokumentasi, adalah **AMAT** disarankan supaya maklumat tersebut dikod dan bukan menggunakan kod dalam manual rujukan ini.

Pemilihan Kondisi Utama (Morbiditi)

Dalam suatu episod perawatan, jika terdapat lebih daripada satu diagnosis yang didokumentasi, hanya satu diagnosis yang perlu dipilih sebagai *main condition*. Kriteria pemilihan *main condition* adalah berdasarkan perkara 2.23.6 *ICD-11 Reference Guide* :

- MB1 Several conditions recorded as 'main condition'; or
- MB2 Condition recorded as 'main condition' is presenting symptom of diagnosed, treated condition; or
- MB3 Signs and symptoms recorded as 'main condition' with alternative conditions recorded as the cause

Diagnosis untuk Kes Kematian (Mortaliti)

Disarankan supaya untuk kes mortaliti, bahawa borang *The International Form of Medical Certificate of Cause of Death (MCCD)* digunakan (Perkara 2.15.2 *ICD-11 Reference Guide*). Penggunaan borang ini membolehkan Pegawai dan Penolong Pegawai Rekod Perubatan mengenalpasti *Underlying Cause of Death (UCOD)*, menggunakan teknik yang telah diperakukan oleh WHO. UCOD adalah penting untuk

menganalpasti sama ada kematian tersebut dapat dilakukan kerana UCOD merupakan titik permulaan kepada *train of events* yang seterusnya menyebabkan kematian tersebut.

Maklumat penting yang perlu dinyatakan dalam borang tersebut adalah seperti berikut:

Administrative Data (can be further specified by country)			
Sex	<input type="checkbox"/> Female	<input type="checkbox"/> Male	<input type="checkbox"/> Unknown
Date of birth		Date of death	
Frame A: Medical data: Part 1 and 2			
1 Report disease or condition directly leading to death on line a Report chain of events in due to order (if applicable) State the underlying cause on the lowest used line	a	Cause of death	Time interval from onset to death
	b	Due to:	
	c	Due to:	
	d	Due to:	
	2 Other significant conditions contributing to death (time intervals can be included in brackets after the condition)		
Frame B: Other medical data			
Was surgery performed within the last 4 weeks? <input type="checkbox"/> Yes <input type="checkbox"/> No <input type="checkbox"/> Unknown			
If yes please specify date of surgery			
If yes please specify reason for surgery (disease or condition)			
Was an autopsy requested? <input type="checkbox"/> Yes <input type="checkbox"/> No <input type="checkbox"/> Unknown			
If yes were the findings used in the certification? <input type="checkbox"/> Yes <input type="checkbox"/> No <input type="checkbox"/> Unknown			
Manner of death:			
<input type="checkbox"/> Disease	<input type="checkbox"/> Assault	<input type="checkbox"/> Could not be determined	
<input type="checkbox"/> Accident	<input type="checkbox"/> Legal intervention	<input type="checkbox"/> Pending investigation	
<input type="checkbox"/> Intentional self harm	<input type="checkbox"/> War	<input type="checkbox"/> Unknown	
If external cause or poisoning: Date of injury			
Please describe how external cause occurred (if poisoning please specify poisoning agent)			
Place of occurrence of the external cause:			
<input type="checkbox"/> At home	<input type="checkbox"/> Residential institution	<input type="checkbox"/> School, other institution, public administrative area	<input type="checkbox"/> Sports and athletics area
<input type="checkbox"/> Street and highway	<input type="checkbox"/> Trade and service area	<input type="checkbox"/> Industrial and construction area	<input type="checkbox"/> Farm
<input type="checkbox"/> Other place (please specify):			<input type="checkbox"/> Unknown
Fetal or infant Death			
Multiple pregnancy <input type="checkbox"/> Yes <input type="checkbox"/> No <input type="checkbox"/> Unknown			
Stillborn? <input type="checkbox"/> Yes <input type="checkbox"/> No <input type="checkbox"/> Unknown			
If death within 24h specify number of hours survived		Birth weight (in grams)	
Number of completed weeks of pregnancy		Age of mother (years)	
If death was perinatal, please state conditions of mother that affected the fetus and newborn			
For women, was the deceased pregnant? <input type="checkbox"/> Yes <input type="checkbox"/> No <input type="checkbox"/> Unknown			
<input type="checkbox"/> At time of death		<input type="checkbox"/> Within 42 days before the death	
<input type="checkbox"/> Between 43 days up to 1 year before death		<input type="checkbox"/> Unknown	
Did the pregnancy contribute to the death? <input type="checkbox"/> Yes <input type="checkbox"/> No <input type="checkbox"/> Unknown			

Frame A

Mempunyai dua bahagian iaitu *Part 1* dan *Part 2* dan satu seksyen untuk merekod tempoh setiap kondisi dengan masa kematian (*Time interval from onset to death*).

Part 1

1. **Cause of death:** Condition / diagnosis that directly caused the patient's death

Cardiac arrest, respiratory failure dan heart failure merupakan *mode of dying* dan bukannya *cause of death*.
Disarankan untuk merekodkan diagnosis dengan lebih terperinci

2. **Other significant conditions contributing to death:** Other conditions / diagnosis that contributed to mortality, but not in the sequence leading to the Cause of Death.
3. **Time interval from onset to death:** The approximate time between the condition / diagnosis and death.

Part 2

Adalah untuk kondisi yang bukan di dalam *train of events* di *Part 1* tetapi menyumbang kepada kematian pesakit.

Frame B

Adalah untuk mendapatkan maklumat tambahan yang tidak dinyatakan di **Frame A**.

Perbandingan Terma antara ICD-10 dan ICD-11 dalam Borang Pengumpulan Maklumat Kesihatan Pesakit

ICD-10	ICD-11
Perubahan terma	
<i>Cause of Death</i>	<i>Terminal Cause of Death</i>
<i>External cause</i>	<i>External causes of Morbidity & Mortality</i>
<i>Complication</i>	<i>Complication Diagnosis</i>
Penambahan terma baharu	
NA	<i>Underlying Condition</i>
NA	<i>Additional code</i>
NA	<i>Underlying Cause of Death</i>
Penjumudan terma	
<i>Co-Morbidity</i>	NA
<i>Factors Influencing Health Status and Contact With Health Services</i>	NA
<i>Underlying Cause</i>	NA
Tiada perubahan	
<i>Main diagnosis</i>	<i>Main diagnosis</i>
<i>Other diagnosis</i>	<i>Other diagnosis</i>

- *Underlying condition* adalah kondisi dalam *train of events* yang menghubungkan *Terminal Cause of Death* dan *Underlying Cause of Death*.
- *Additional code* adalah medan untuk merekod kod yang tidak dapat digabungkan (*postcoordinate*) melalui *ICD-11 Embedded Classification Tool*.





Nota Penting Berkenaan Pengekodan ICD-11


a. ICD-11 Versi 02/2022

Pengekodan ICD-11 di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia adalah menggunakan *ICD-11 Coding Tool Version 02/2022* termasuk dalam sistem SMRP yang baharu. Berikut adalah cara untuk mengakses *ICD-11 Coding Tool* menggunakan laman sesawang WHO (luar sistem SMRP).

- a. Pautan akses - https://icd.who.int/ct11/icd11_mms/en/2022-02
- b. Langkah menggunakan pelayar Google

No.	Papararan	Arahan
1	 <p>A screenshot of the Google search interface. The search bar contains the text 'icd-11'. Below the search bar, a list of search suggestions is displayed: 'icd-11', 'icd-11 coding tool', 'icd-11 reference guide', 'ICD-11 Book by World Health Organization', 'icd-11 download', and 'icd-11 codes list'.</p>	Layari Google dan taip carian 'ICD-11'.
2	 <p>A screenshot of the full Google search results page for 'icd-11'. The page shows the search bar with 'icd-11' entered, navigation tabs (All, Shopping, News, Books, Images, More), and search filters. The main results area displays the 'World Health Organization' as the primary result, with a snippet: 'International Classification of Diseases 11th Revision - The global standard for diagnostic health information'. Below this, there are links for 'Coding Tool', 'Reference Guide - - DRAFT', and 'International Classification of ...'. On the right side, there is a book preview for 'ICD-11' by World Health Organization, showing a 77% like rate and a description of the book.</p>	Klik pada pilihan yang pertama.
3	 <p>A screenshot of the ICD-11 website homepage. The header features the text 'ICD-11 International Classification of Diseases 11th Revision The global standard for diagnostic health information'. Below the header, there are three main content boxes: 'Use ICD-11' (with a sub-link 'ICD-11 Browser for seeing the content for coding with ICD-11'), 'Learn More' (with sub-links like 'ICD Home Page', 'ICD-11 Reference Guide', etc.), and 'Be Involved' (with sub-links like 'Our maintenance platform provides various ways to contribute').</p>	Klik pada 'ICD-11 Browser'.

4		<p>Klik pada 'Info'. (Anda akan mengakses ICD-11 versi terkini, dalam tangkapan skrin ini adalah <i>Version 01/2023.</i>)</p>
5		<p>Klik pada 'Earlier releases and update history'.</p>
6		<p>Klik pada '2022-02'.</p>
7		<p>Klik pada 'Coding Tool' untuk memulakan pencarian. (Paparan menunjukkan ICD-11 versi 2022-02)</p>




b. *Nota Panduan Penggunaan ICD-11 Coding Tool*

Coding tool berfungsi dengan pencarian di dalam kotak carian:




Coding tool akan memberikan hasil berdasarkan kepada carian:




1. *Word list*


- Senarai terma yang berkaitan adalah di bahagian kiri *Coding Tool*.
- Jika carian adalah kurang lengkap, *Coding Tool* akan memberikan saranan perkataan yang berkaitan.



- Untuk memuktamadkan carian, akhiri pernyataan dengan **'Space'** atau klik pada senarai terma di *'Word list'*. *Relatedness* adalah dikenalpasti berdasarkan kekerapan terma yang dicari di dalam *ICD Coding Tool*.




- Senarai terma boleh disusun mengikut perkaitan atau kekerapan dan mengikut susunan abjad.




- Pengguna boleh memilih terma yang sesuai atau taip diagnosis seperti biasa.

2. Destination Entities

- Output di bahagian tengah antara muka *Coding Tool* memaparkan entiti yang sesuai berdasarkan carian.
- Output adalah disusun berdasarkan kesesuaian terma yang ditaip dengan frasa / terma ICD. Terma yang paling sesuai adalah berlatarbelakangkan biru seperti contoh 'Tuberculosis' di bawah. Pengguna boleh menggunakan papan kekunci untuk pemilihan kod yang sesuai.




- a. Di bahagian kiri senarai entiti, *Coding Tool* turut memaparkan ikon yang memaparkan maklumat tambahan berkaitan entiti seperti berikut:




- b. Setiap ikon membawa definisi seperti berikut:

No.	Paparan	Perkara
1		<i>Postcoordination</i> adalah dibolehkan untuk entiti ini.
2		<i>Postcoordination</i> adalah diwajibkan untuk entiti ini.
3		Entiti ini mempunyai <i>coding note</i> .
4		Entiti ini mempunyai kategori yang berkaitan daripada bab <i>maternal</i> .
5		Entiti ini mempunyai kategori yang berkaitan daripada bab <i>perinatal</i> .


- c. Hasil carian yang berlatarbelakangkan biru, merupakan saranan yang paling tepat berdasarkan pernyataan yang ditaip di kotak carian.



- d. Susunan hasil carian adalah berdasarkan:
- *Matching score* – nilai ketepatan
 - *Classification order* – susunan klasifikasi





- e. Paparan seperti berikut memaparkan bahawa terma '*Tuberculosis of orbit*' adalah terma yang paling sesuai dengan pernyataan yang dicari berbanding dengan tajuk '*Granulomatous orbital inflammation*'.



3. *Incomplete Results*


Dalam keadaan pernyataan di dalam kotak carian adalah kurang tepat, sistem hanya akan memaparkan 50 entiti yang pertama dengan peringatan seperti berikut: '*The results shown are incomplete*'. Pengguna adalah disarankan untuk memperincikan pernyataan di kotak carian.






4. Flexible Search

Fungsi *flexible search* boleh digunakan jika pencarian biasa *Coding Tool* tidak memberikan sebarang hasil.



Pencarian melalui mod *flexible search* adalah berbeza dengan pencarian biasa daripada aspek seperti berikut:


- Dalam mod pencarian biasa, *Coding Tool* akan memberikan hasil carian yang melibatkan kesemua perkataan dalam pernyataan yang dicari. Manakala dalam mod *flexible search*, hasil carian mungkin tidak melibatkan kesemua perkataan dalam pernyataan yang dicari.
- Contohnya untuk pernyataan 'Primary steatorrhea', tiada index dalam ICD-11 yang tepat melibatkan kedua-dua perkataan yang dicari iaitu 'Primary' dan 'Steatorrhea'. Fungsi *flexible search* akan membolehkan pencarian terma 'Steatorrhea' sahaja yang merupakan *index term* di bawah 'Other specified symptoms related to the lower gastrointestinal tract or abdomen'.



- *Flexible search* turut membolehkan carian menggunakan variasi terma yang luas. Misalnya, pencarian pernyataan 'Lung adenosarcoma', *Coding Tool* akan memberikan hasil 'Malignant neoplasms of bronchus or lung, unspecified'.



5. Quick Copying

Walaupun *Coding Tool* membolehkan kod disalin dengan klik pada kod atau tajuk kod, langkah pengekodan perlu mengikut seperti dalam manual rujukan pengekodan ini untuk memastikan pengekodan yang dipilih adalah tepat dan lengkap.




6. Entity Details


Klik pada 'Details' atau ikon '+' untuk memaparkan perincian hasil entiti.



Klik pada *Show all* untuk memaparkan kesemua terma yang sesuai dengan pernyataan di kotak carian.




Klik pada *'Hide'* untuk tidak memaparkan kesemua terma kecuali lima terma yang teratas.




7. Chapter Distribution / Filter


Di bahagian kanan hasil carian *Coding Tool*, butang *'Filter'* membolehkan pemaparan hasil carian berdasarkan bab yang berkaitan di dalam ICD-11.




Chapter distribution memaparkan bilangan hasil carian yang sesuai berdasarkan setiap bab di dalam klasifikasi.



Secara default, hasil carian adalah terdiri daripada kesemua bab di dalam ICD-11 kecuali bab *Extension Codes* dan *Traditional Medicine*. Hasil filter boleh diubah dengan klik (untuk pemaparan hasil carian) atau nyahklik (untuk mengecualikan pemaparan hasil carian) pada checkbox yang berkaitan dengan bab ICD-11.




Klik pada *Show results from default set* akan set semula *filter* kepada secara *default*.




8. *Integrated Browser*

Coding Tool telah sedia berintegrasi dengan *ICD-11 Browser*. Akses kepada *Browser* boleh dilakukan dengan klik pada ikon biru seperti berikut:



Seterusnya, ICD-11 Browser akan dipaparkan seperti berikut:




Data entiti yang dipilih akan dipaparkan seperti berikut (jika ada):

- *Fully Specified Name*
- *Description*
- *Additional information*
- *Inclusions*
- *Exclusions*
- *Exclusions from above levels*
- *Coded Elsewhere*
- *Related categories in maternal chapter*
- *Related categories in perinatal chapter*
- *Coding Note*


- *Coding Note from above levels*
- *Postcoordination*

Dalam paparan *ICD-11 Browser*, hierarki sistem klasifikasi dapat diakses di bahagian kiri skrin. Pemaparan perincian entiti dapat dilakukan apabila entiti diklik. Pemaparan *children* kepada entiti adalah melalui klik pada simbol segitiga seperti berikut




9. *Postcoordination*


Fungsi *postcoordination* membolehkan perincian dilakukan untuk diagnosis yang direkodkan. Hanya maklumat yang berkaitan boleh digabungkan (*postcoordinate*) seperti kod berkaitan '*Histopathology*' hanya boleh digabungkan dengan kategori '*Neoplasm*'. Ikon *postcoordination* hanya dibolehkan untuk entiti yang relevan seperti berikut:



Seterusnya di paparan *integrated ICD-11 browser*, hanya entiti yang dibenarkan untuk digabungkan akan dipaparkan berdasarkan *sanctioning rules* ICD-11.



Untuk maklumat yang kurang lengkap, ikon *Mandatory postcoordination* akan dipaparkan.



Jika dokumentasi adalah kurang lengkap untuk diagnosis yang mempunyai *Mandatory postcoordination*, sebaiknya *coder* perlu melakukan perkara dalam turutan seperti berikut:

- a. Klarifikasi dengan doktor yang memasukkan maklumat discaj;
- b. Menyemak *case note* pesakit untuk mendapatkan maklumat tambahan; dan
- c. Mengekod maklumat diagnosis yang ada sahaja dengan sebaik mungkin tanpa *Mandatory postcoordination*.


Pengekoden tanpa maklumat *mandatory postcoordination* akan menyebabkan maklumat penting seperti yang diperuntukkan oleh WHO tidak dapat disimpan dalam sistem.

Selain itu, nota '*Code also*' turut merupakan arahan bahawa maklumat tambahan adalah perlu untuk entiti yang dipilih.

Untuk melakukan penggabungan (*postcoordination*) klik pada ikon-ikon seperti berikut

atau untuk *Mandatory postcoordination*.

Selected term akan dipaparkan jika terma yang dipilih mempunyai *Foundation URI* yang berbeza dengan entiti yang dipilih.



10. Displaying or Searching Value Sets

Paksi *postcoordination* mempunyai set nilai yang berbeza seperti paksi 'Laterality' dan 'Histopathology'.


- Jika set nilai adalah kecil, *Browser* akan memaparkan kesemua nilai dengan kod yang berkaitan.



- Jika set nilai adalah besar, pencarian kod yang berkaitan boleh dilakukan seperti dalam hierarki klasifikasi atau melalui kotak carian.




- Hanya set nilai yang relevan akan dipaparkan. Jika bilangan adalah lebih daripada 12, *browser* akan membolehkan pencarian paksi tersebut. Misalnya, 'Aneurysmal bone cyst' boleh digabungkan dengan *Specific Anatomic Detail*, dan jika pencarian 'Head' dilakukan, hanya tulang yang berkaitan dengan 'Head' yang akan dipaparkan.



11. Building a Code String

Untuk melakukan pengkodean melibatkan lebih daripada satu kod, sebaik-baiknya pengkodean dilakukan dengan klik pada 'Details' atau simbol '+' jika ada dan seterusnya klik pada terma yang tepat seperti contoh dalam manual ini.

Contoh seperti berikut untuk diagnosis 'Malignant neoplasm of breast' yang dibolehkan penggabungan dengan *Laterality* dan *Specific anatomy*. Sebaik sahaja pemilihan kod selesai, butang 'Select' perlu diklik.



12. Postcoordination Using Multiple Values from the Same Axis

Coding Tool membolehkan pemilihan lebih daripada satu nilai dalam kebanyakan paksi *postcoordination*. Untuk paksi seperti *Severity*, nilai *mild* dan *moderate* tidak boleh dipilih pada masa yang sama. Untuk paksi seperti berikut, pemilihan lebih daripada satu nilai adalah dibenarkan:

- *Associated with*
- *Causing condition*

- *Has manifestation*
- *Specific anatomy*
- *Infectious agents*
- *Chemical agents*
- *Medication*

Paksi seperti di atas membolehkan pemilihan lebih daripada satu nilai. Misalnya, untuk *postcoordination* melibatkan anatomi, pemilihan lebih daripada satu nilai adalah dibenarkan.


The screenshot displays a medical coding interface for the code '2C6Z Malignant neoplasms of breast, unspecified'. The interface includes a search bar with the code '2C6Z&XA2Q54&XA0T50' and a 'Select' button. Below the search bar, there are sections for 'Exclusions from above levels', 'Coding Note from above levels', and 'Postcoordination'. The 'Postcoordination' section is highlighted with a red box and contains the following codes: 'XA2Q54 Upper outer quadrant of breast' and 'XA0T50 Inframammary flexure'. Below this, there are sections for 'Laterality' and 'Specific anatomy'. The 'Specific anatomy' section is also highlighted with a red box and contains a search bar and a list of codes: 'XA12C1 Breast', 'XA1NS5 Upper breast', 'XA3LS6 Upper inner quadrant of breast', 'XA2Q54 Upper outer quadrant of breast', 'XA3PG5 Axillary tail of breast', 'XA0US1 Central portion of breast', 'XA3UY3 Lower breast', 'XA9CM2 Lateral half of breast', 'XA3IH6 Medial half of breast', and 'XA0T50 Inframammary flexure'.

Untuk paksi *External cause*, hanya pemilihan nilai daripada blok yang berbeza dibenarkan. Misalnya untuk '*Unintentional land transport traffic event injuring a pedal cyclist*' boleh digabungkan dengan satu nilai daripada blok '*Vehicle user role of person injured in transport related event*' dan daripada blok '*Counterpart in land transport crash*'. Pemilihan lebih daripada satu nilai dalam blok yang sama adalah tidak dibenarkan.

Jika pemilihan masih dilakukan untuk paksi yang tidak dibenarkan, sistem akan menggantikan nilai yang dipilih dengan nilai yang terkini. Misalnya, untuk paksi *Severity*, jika *moderate* telah dipilih dahulu dan kemudiannya *mild* dipilih, *mild* akan menggantikan nilai *moderate*.

13. *Nested Postcoordination*

Dalam keadaan apabila dokumentasi diagnosis dilakukan dengan terperinci, entiti yang lebih spesifik boleh dipilih. Jika tiada maklumat yang terperinci, entiti yang lebih umum boleh dikodkan bersama.




14. Coding Note


Pernyataan *Coding Note* akan dipaparkan apabila 'Details' atau simbol '+' dipilih.




Dalam paparan *integrated ICD-11 browser*, pernyataan *Coding Note* adalah seperti berikut.



15. Related Categories in Maternal Chapter


Untuk memudahkan pengkodean berkaitan diagnosis *maternal*, ikon  disediakan untuk entiti yang berkaitan. Misalnya, entiti 'Tuberculosis of eye' (1B12.1) mempunyai kod berkaitan maternal yang merupakan kombinasi JB63.0/1B12.1 iaitu kod 'Tuberculosis complicating pregnancy, childbirth or the puerperium' (JB63.0) dan 'Tuberculosis of eye' (1B12.1).




Code	Matching Terms	Postcoordination
1B12.1	Tuberculosis of eye * tuberculous eye Involvement of eyelid in tuberculosis	

Description
Tuberculosis involving the eye. This may manifest in multiple different ways including keratoconjunctivitis, episcleritis, anterior uveitis and posterior uveitis


Exclusions
lupus vulgaris of eyelid (1B12.8)

Related categories in maternal chapter 
Tuberculosis complicating pregnancy, childbirth or the puerperium / Tuberculosis of eye (JB63.0/1B12.1)

Related categories in perinatal chapter 
Congenital tuberculosis (KA61.0)

[See in hierarchy](#)

Dalam paparan *integrated ICD-11 browser*, seksyen 'Related categories in maternal chapter' adalah seperti berikut:



International Classification of Diseases 11th Revision - ICD-11 for Mortality and Morbidity Statistics

- 01 Certain infectious or parasitic diseases
 - Gastroenteritis or colitis of infectious origin
 - Predominantly sexually transmitted infections
 - Mycobacterial diseases
 - Tuberculosis
 - 1B10 Tuberculosis of the respiratory system
 - 1B11 Tuberculosis of the nervous system
 - 1B12 Tuberculosis of other systems and organs
 - 1B12.0 Tuberculosis of heart
 - 1B12.1 Tuberculosis of eye
 - 1B12.2 Tuberculosis of ear
 - 1B12.3 Tuberculosis of endocrine glands
 - 1B12.4 Tuberculosis of the musculoskeletal system
 - 1B12.5 Tuberculosis of the genitourinary system
 - 1B12.6 Tuberculous peripheral lymphadenopathy
 - 1B12.7 Tuberculosis of the digestive system
 - 1B12.8 Cutaneous tuberculosis
 - 1B12.Y Tuberculosis of other specified organ or site
 - 1B13 Miliary tuberculosis
 - 1B14 Latent tuberculosis
 - KA61.0 Congenital tuberculosis
